

# Mahathir tegur pendekatan negara Barat dalam isu hak asasi manusia

U.M 26 DEC 1991

Mahathir - Overseas trips

TOKYO 26 Dis. — Teguran Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berhubung pendekatan negara-negara Barat dalam isu hak asasi manusia di negara-negara membangun mendapat liputan baik dari akhbar berbahasa Inggeris *The Japan Times*, hari ini.

Dalam laporan muka satu hari ini, akhbar itu menyebut Perdana Menteri sebagai mengingatkan bahawa sekatan yang dikenakan ke atas negara yang dirasakan tidak meningkatkan nilai-nilai demokrasi akan hanya menimbulkan masalah kepada rakyat di negara terlibat.

Akhbar *The Japan Times* yang melaporkan taklimat pegawai Kementerian Luar selepas Dato' Sri Dr. Mahathir menemui Perdana Menteri Jepun, Encik K. Miyazawa, juga berkata:

"Negara Barat percaya mereka boleh campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara membangun sekiranya berlaku pencabulan hak asasi manusia tetapi persoalannya siapakah yang sepatutnya membuat penghakiman."

Akhbar *The Japan Times* berkata, Dato' Sri Dr. Mahathir membuat kenyataan tersebut apabila Encik Miyazawa membangkitkan isu Myanmar di majlis pemimpin tentera dikecambah kerana memungkir janji untuk menyerahkan kuasa kepada pentadbiran rakyat.

Penghakiman sepatutnya diserahkan kepada masyarakat antarabangsa dan bukan kepada sesebuah negara secara individu, lapor akhbar berkenaan yang menyebut Dato' Sri Dr. Mahathir sebagai berkata sambil menuju kritiknya kepada Ameri-



ABDULLAH HASSAN

MELAPOR DARI  
TOKYO

ka Syarikat kerand dasar hak asasi manusianya.

Mengendi Malaysia, akhbar itu melaporkan, Encik Miyazawa sebagai berkata bahawa Malaysia yang menikmati pertumbuhan yang tinggi mungkin tidak layak lagi mendapat bantuan pembangunan di masa hadapan.

*Utusan Malaysia* semalam telah melaporkan saranan Dato' Sri Dr. Mahathir kepada Encik Miyazawa supaya mengkaji semula dasar pemberian pinjaman soft loans hanya untuk negara yang mempunyai pendapatan per kapita di bawah AS\$2,300.

Ini adalah kerana dasar tersebut telah lama dan dibuat semasa nilai dolar Amerika tinggi berbanding dengan yen tetapi sekarang nilainya menurun.

Bagaimanapun, Encik Miyazawa dikatakan tidak membuat sebarang komitmen kerana Jepun masih mematuhi dasar yang ditetapkan oleh Bank Dunia.

Sementara itu, selaiq daripada akhbar *The Japan Times*, akhbar *Mnichi Daily News* juga menyiarkan hampir lima muka rencana mengenai kemajuan industri dan pelancongan di Malaysia.

Rencana tersebut disiarkan secara besar-besaran dan disertakan dengan pelbagai gambar menarik sempena pembukaan rasmi bangunan baru kedutaan Malaysia, di sini semalam.

Antara perkara yang disentuh dalam rencana yang disiarkan ialah

mengenai Labuan sebagai pusat kewangan luar pantai, perkembangan pasaran sekuriti, lapangan terbang baru di Sepang dan pulau-pulau serta pantai Malaysia memikat pelancong seluruh dunia.

Sementara itu, Perdana Menteri dan isterinya tiba di Seoul, Korea dari Tokyo tengah hari ini untuk lawatan tidak rasmi selama tiga hari.

Semasa di Seoul, beliau akan mengunjungi Presiden Roh Tae Woo sebelum berangkat ke Ulsan, sebuah bandar perindustrian terbesar Korea Selatan, kira-kira 400 kilometer ke tenggara Seoul.

Semasa di Ulsan, beliau akan menyaksikan upacara menandatangani pembelian sebuah kapal pengangkut Umpan Panamax di antara Perbadanan Perkapalan Malaysia (MISC) dengan Hyundai Heavy Industries (HHI).

Pada hari Sabtu pula, Dato' Sri Dr. Mahathir menghadiri upacara penerimaan dan menamakan sebuah lagi kapal pengangkut kontena yang terbesar pernah dimiliki oleh MISC.

Kapal tersebut dipesan pada tahun 1990, seberat 61,621 tan dan boleh membawa 4,469 TEU.

Kapal tersebut mempunyai kelajuan 24 nodika dan akan digunakan bagi laluan antaranya, Hamburg, Rotterdam, Singapura, Hong Kong, Suez, Le Havre dan lam-lain pelabuhan.

Perdana Menteri akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur Ahad ini.